

# Jalin kerjasama negara luar banteras penyeludupan

Jabatan Perhilitan komited dalam membedung jenayah penyeludupan hidupan liar dengan menjalankan kerjasama antarabangsa melalui Rangkaian Penguatkuasaan Hidupan Liar ASEAN, Pertubuhan Polis Antarabangsa dan juga Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah dalam usaha memelihara spesies hidupan liar terancam.

**A**WAL minggu lalu, akhbar melaporkan mengenai aktiviti tidak bertanggungjawab segelintir pihak yang menjadikan Kuala Perlis sebagai laluan untuk menyeludup pelbagai haiwan liar eksotik untuk pasaran negara luar.

Difahamkan, kesemua haiwan tersebut dibawa menggunakan bot dari Indonesia ke pelabuhan Kuala Perlis sebelum ia dibawa ke Hatyai, Thailand untuk dijual ke China.

Walaupun beberapa siri rampasan telah dilakukan sejak awal tahun lalu, namun sindiket tersebut tetap giat menjalankan aktiviti penyeludupan haiwan eksotik hingga ke hari ini.

Kedua-dua tersebut ternyata mendatangkan kebimbangan dalam kalangan orang ramai yang khuatir aktiviti itu mampu menyebabkan hidupan liar dilindungi diancam kepupusan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai isu berkenaan, wartawan *Kosmo! Ahad*, **KHAIRIYAH HANAFI** menemu bual Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim di pejabatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**Boleh Datuk terangkan serba ringkas fungsi dan peranan Jabatan Perhilitan? DATUK ABDUL KADIR**

**ABU HASHIM:** Jabatan Perhilitan merupakan sebuah agensi kerajaan pusat yang bertanggungjawab dalam pengurusan lestari konservasi hidupan liar dan taman negara. Antara fungsi utama



**PERHILITAN** sentiasa berganding dan bertukar maklumat dengan negara luar bagi membedung masalah penyeludupan.

jabatan ini adalah melakukan penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) iaitu menguatkuasakan perundangan yang melibatkan pelesenan, operasi atau pemeriksaan, penyiasatan,

pendakwaan dan kawalan di pintu-pintu masuk negara.

Selain itu, Perhilitan juga berperanan menguruskan kawasan perlindungan seperti Rizab Hidupan Liar yang diwartakan di bawah

perundangan penguatkuasaan yang melibatkan aktiviti pewartaan, persempadanan, kawalan aktiviti berkaitan sains, seni atau rekreasi di dalam kawasan perlindungan, kawalan dan operasi di sempadan dan dalam kawasan perlindungan.

Kami juga bertanggungjawab dalam ekopelancongan iaitu menguruskan kemudahan pelawat dan perancangan aktiviti ekopelancongan di kawasan perlindungan di bawah seliaan perhilitan seperti di taman negara.

Bukan itu sahaja, kami juga bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan spesies berjadual di zoo, pameran tetap dan pameran bergerak hidupan liar yang melibatkan pelesenan, pengauditan, pematuhan perundangan dan subsidiari.

**Dewasa ini kes penyeludupan haiwan menunjukkan kadar peningkatan dan membimbangkan. Pada pendapat Datuk, apakah faktor yang mendorong penyeludup terus melakukan jenayah tersebut walaupun penguatkuasaan telah diperketatkan?**

Saya lihat perkara ini berlaku disebabkan oleh permintaan tinggi terhadap spesies hidupan liar eksotik. Ini kerana di sesetengah negara, mereka menggunakan haiwan-haiwan tersebut bagi tujuan makanan. Di negara China sebagai contoh, permintaan terhadap haiwan eksotik tinggi pada musim sejuk kerana mereka percaya makanan tersebut mampu menghangatkan tubuh mereka.

◀ Bukan itu sahaja, trend dan hobi memelihara hidupan liar sebagai haiwan peliharaan juga menyumbang kepada aktiviti ini. Lebih-lebih lagi apabila sesetengah individu berlumba-lumba menjadikan haiwan tersebut sebagai binatang peliharaan disebabkan ia menjadi lambang kekayaan dan menunjukkan kemewahan hidup.

### Boleh Datuk jelaskan apakah jenis haiwan yang selalu diseludup oleh penjenayah?

Selalunya mereka akan menyeludup hidupan liar eksotik yang sukar diperoleh dan juga bernilai tinggi. Antara hidupan yang sering menjadi mangsa penyeludupan ialah tenggiling, kura-kura kolam hitam, biawak air, murai batu, kura-kura katup serta biawak tikus.

### Boleh pihak Datuk terangkan serba ringkas bagaimanakah cara penyeludup menyeludup haiwan-haiwan tersebut?

Seperti yang kita ketahui, penyeludupan hidupan liar ini merupakan jenayah rentas sempadan yang mana modus operandi sindiket adalah sangat kompleks dan sentiasa berubah-ubah. Ini bagi mengelakkan gerak-geri mereka daripada dikesan oleh pihak penguat kuasa.

Pada kebiasaannya, penyeludup akan menggunakan tiga laluan iaitu udara, air dan darat.

Lokasi yang sering menjadi sasaran penyeludup ialah kawasan berdekatan dengan sempadan seperti di Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pulau Pinang; pelabuhan-pelabuhan utama negara iaitu di Pelabuhan Klang, Selangor dan Tanjung Pelepas, Johor serta pintu masuk darat negara seperti Bukit Kayu Hitam, Kedah; Sungai Golok dan Rantau Panjang, Kelantan serta Padang Besar, Perlis.

Penyeludupan ini biasanya dilakukan menggunakan bagasi, konsainan dan kargo yang mengandungi hidupan liar yang diimport, dieksport atau eksport semula tanpa permit dan lesen sah atau permit palsu.

### Sebaik Perhilitan merampas haiwan yang diseludup, apakah perkara yang akan dilakukan terhadap haiwan rampasan tersebut?

Selalunya, kesemua hidupan liar yang dirampas akan melalui proses pengecaman dan pengambilan sampel asid deoksiribonukleik (DNA) bagi tujuan siasatan dan pendakwaan.

Selepas mendapat perintah daripada mahkamah, hidupan liar disita akan dilupuskan mengikut kaedah yang ditentukan bersesuaian dengan spesies tersebut.

Jika ia merupakan spesies tempatan, haiwan tersebut akan dilepaskan semula ke habitat asal iaitu seperti rizab hidupan liar atau taman negara.

Bagi sesetengah kes, haiwan tersebut akan diserahkan kepada zoo atau dijadikan pameran kesedaran awam. Jika ia spesies luar negara, haiwan itu akan dihantar ke negara



PERMINTAAN tinggi terhadap tenggiling menyebabkan haiwan ini sering menjadi mangsa penyeludupan.

asalnya semula.

### Boleh Datuk ulas sedikit hukuman yang akan diterima penyeludup sekiranya mereka tertangkap?

Sekiranya individu tersebut tertangkap, mereka akan didakwa di bawah Seksyen 71, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) kerana mengimport tanpa permit khas. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda antara RM30,000 hingga RM100,000 dan dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun.

Sementara itu, di bawah Seksyen 10, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 (Akta 686) iaitu mengimport tanpa permit. Mereka yang didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 bagi setiap haiwan jika ia dilakukan secara perseorangan.

Jika kesalahan tersebut dilakukan secara dalam pertubuhan pula, mereka boleh didenda tidak melebihi RM200,000 bagi setiap hidupan liar jika sabit kesalahan.

### Adakah terdapat sebarang pelan tindakan kecemasan dalam menyelamatkan spesies terancam dan semakin pupus?

Kami memang telah merangka dan melaksanakan pelbagai program konservasi dalam pengurusan lestari hidupan liar. Antara pelan yang dilaksanakan setakat ini ialah Pelan Tindakan Konservasi Harimau Kebangsaan iaitu pada tahun 2008 hingga 2020, Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (2013-2022), Penubuhan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan, Penubuhan Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Program Pemiakbakaan Hidupan Liar Dalam Kurungan.

### Apakah kawal selia yang dilakukan di peringkat antarabangsa atau rentas sempadan bagi memastikan setiap negara memainkan peranan dalam mengekang aktiviti penyeludupan?

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar khususnya Jabatan Perhilitan komited bersama organisasi antarabangsa yang berperanan mengawal dan menyelia perdagangan hidupan liar dengan menjadi ahli kepada Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora dan Fauna Liar yang Terancam atau dikenali sebagai CITES.

Melalui medium ini, Malaysia dan negara ahlinya perlu mematuhi resolusi yang telah ditetapkan dan dipersetujui dan setiap negara ahli akan berkongsi maklumat serta memantau perdagangan yang tidak sah.

Bukan itu sahaja, kami juga telah menjalankan kerjasama antarabangsa melalui Rangkaian Penguatkuasaan Hidupan Liar ASEAN, Pertubuhan Polis Antarabangsa (Interpol) dan juga Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC).

Daripada situ, kami akan saling bertukar dan berkongsi maklumat antara negara selain menyertai operasi bersepadu antara negara yang dikoordinasi oleh Interpol.

### Setakat ini, apakah langkah yang telah diambil untuk mendidik masyarakat mengenai kesedaran mengenai perlindungan haiwan terancam?

Jabatan Perhilitan optimis dalam merangka dan melaksanakan program kesedaran awam dan aktiviti bersama masyarakat bagi menyampai serta menerangkan kepentingan usaha-usaha konservasi hidupan liar dan habitatnya.

Antaranya adalah hari bertemu pelanggan, hebahan informasi melalui pelbagai medium seperti media cetak dan elektronik serta program kesedaran yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat seperti program pendidikan konservasi biodiversiti di sekolah.

Selain itu, turut dijalankan program kesedaran awam dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan orang awam atau kumpulan sasaran.

## EKSTRA

### Datuk Abdul Kadir Abu Hashim

- Ketua Pengarah Jabatan Perhilitan
- Berumur 51 tahun
- Mempunyai tiga orang cahaya mata
- Berasal dari Taiping, Perak.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang
- Mempunyai Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan perhutanan dari Universiti Putra Malaysia
- Mempunyai Ijazah Sarjana dalam jurusan Biodiversiti dan Konservasi dari Universiti of Leeds, England
- Gemar memasak dan bersukan.

ABDUL KADIR mendakwa permintaan tinggi di pasaran menyebabkan penyeludup terus melakukan jenayah.

